

Bab Dua

Perpuakan Sebelum Era Mahathir

2.1 Perpuakan Politik Melayu Pada Awal Abad Ke-20 Dan Sebelum Merdeka

Perpuakan wujud dalam politik Melayu dalam empat dekad yang pertama pada abad ke-20 apabila nasionalisme Melayu mula berkembang. Nasionalisme Melayu boleh diklasifikasikan kepada tiga aliran utama, setiap aliran diketuai oleh kumpulan elit yang berlainan, iaitu birokrat tradisional yang berpendidikan Inggeris, guru dan penulis yang berpendidikan Islam; guru dan wartawan yang berpendidikan Bahasa Melayu. Firdaus Abdullah pula merumuskan tiga aliran nasionalisme ini kepada dua kumpulan yang utama, iaitu nasionalis yang konservatif daripada aliran pertama dan nasionalis radikal daripada aliran kedua dan ketiga.⁵³

Kumpulan pertama merupakan elit birokratik Melayu yang berpendidikan Inggeris yang berpisah dengan golongan massa dari segi sosial dan budaya. Dalam strata tersebut, terdapat juga elit aristokratik tradisional ataupun ahli keluarga diraja yang feudalistik yang lebih terpisah daripada golongan massa. Kumpulan ini dikritik oleh nasionalis radikal sebagai boneka penjajah ataupun pengkhianat bangsa yang tidak mengambil kira kehendak rakyat.

Kumpulan kedua adalah nasionalis radikal Melayu. Mereka disifatkan oleh ahli politik Barat sebagai ‘golongan yang membenci elit Melayu tradisional dan yang

⁵³ Firdaus Abdullah, *Radical Malay Politics: Its Origins And Early Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, 1985, m/s 3.

berkeinginan untuk mencorakkan nasionalisme Melayu sama seperti pergerakan nasionalis Indonesia.⁵⁴ Firdaus Abdullah tidak setuju dengan penjelasan ini. Beliau berpendapat ciri utama kumpulan nasionalis radikal ini adalah mereka tidak ingin bekerjasama dengan British dan mereka amat tidak percaya pada British. Mereka malah merasa bangga atas sikap politik mereka yang tidak bekerjasama dengan British. Berikut ketidakyakinan mereka terhadap British, mereka pun menunjukkan sikap tidak percaya terhadap elit aristokratik tradisional dan elit birokratik yang diasuh oleh British.⁵⁵

Kumpulan nasionalis radikal Melayu ini pada asasnya berasal daripada dua punca yang utama, iaitu, sekolah agama Pondok dan rangkaian sekolah Madrasah.⁵⁶ Guru-guru sekolah tersebut berasal daripada institusi Maahad Il-Ehya Assyarif Gunung Semangat (MIAGUS) di bahagian utara Negeri Perak dan golongan guru sekolah rendah Melayu daripada Sultan Idris Training College (SITC) di Tanjung Malim.

Pada asasnya, MIAGUS terkenal dengan pengajian keagamaannya dan peranan politiknya adalah lebih ‘terus-menerus’ berbanding dengan SITC. MIAGUS telah menghasilkan beberapa pertubuhan politik dalam tempoh sebelum kemerdekaan, manakala SITC terkenal sebagai *alma mater* atau pengasas Kesatuan Melayu Muda (KMM), parti politik Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dan Partai Kebangsaan Melayu Sa-Malaya (PKMM) selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.⁵⁷ PKMM

⁵⁴ G. P. Means, *Malaysian Politics*, London: Hodder and Stoughton, 1976, m/s 88.

⁵⁵ Firdaus Abdullah, op.cit., m/s 6-7.

⁵⁶ Sekolah agama Pondok merujuk kepada sekolah berasrama agama tradisional manakala Madrasah adalah sekolah agama moden, Rujuk: Firdaus Abdullah, ibid, m/s 27.

⁵⁷ Firdaus Abdullah, ibid, m/s 8-10.

merupakan pertubuhan Melayu kebangsaan yang pertama selepas Perang Dunia Kedua.⁵⁸

Penubuhan UMNO

UMNO dibentuk pada tahun 1946 oleh 39 pertubuhan Melayu dan juga beberapa individu berpengaruh. Ia merupakan hasil daripada bantahan mereka terhadap cadangan pembentukan Malayan Union yang dibentangkan oleh kerajaan jajahan British pada 10 Oktober 1945. Tujuan penubuhan Malayan Union adalah untuk menyatupadukan penduduk di Malaya yang diperintah secara langsung oleh British dan memberi kerakyatan yang sama rata kepada kaum Melayu dan bukan Melayu.

Salah satu pengasas UMNO, PKMM menarik diri tiga bulan selepas pembentukan UMNO dengan alasan mereka tidak setuju dengan simbol parti.⁵⁹ Dalam mesyuarat yang sama, Persatuan Pekerja-pekerja Junior Malaya juga meninggalkan UMNO dengan alasan yang sama. Dengan itu, berakhirlah penglibatan golongan kiri Melayu dalam UMNO.⁶⁰

Tindakan PKMM untuk keluar daripada UMNO sebenarnya bukanlah semata-mata atas alasan tersebut, seperti apa yang dikatakan oleh Firdaus Abdullah, "...terdapat ketidaksetujuan atas polisi yang amat besar dan serius di belakang isu ini". PKMM merasa susah untuk mencapai objektif mereka sekiranya mereka terus berada dalam

⁵⁸ N. John Funston, *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malays National Organisation and Party Islam*, Kuala Lumpur: Heinemann Education Books, 1980, m/s39-40.

⁵⁹ PKMM mendesak supaya suatu bendera yang berwarna merah dan putih dijadikan simbol, iaitu simbol PKMM, tetapi cadangan mereka ditolak dalam suatu mesyuarat UMNO di Ipoh pada 29 dan 30 Jun 1946 sehingga mereka meninggalkan UMNO.

⁶⁰ N. John Funston, op.cit, m/s39-40; Fan Yew Teng, *The UMNO Drama: Power Struggles in Malaysia*, Kuala Lumpur: Egret Publications, 1989, m/s 44-45.

UMNO. Perbezaan pendirian mereka terbukti pada hari pertama Kongres Melayu Se Malaya yang pertama (The First Pan Malayan Malay Congress) pada 1 Mac 1946 yang membahaskan isu ketidakpuasan masyarakat Melayu terhadap cadangan Malayan Union. Cadangan PKMM agar diadakan satu resolusi menuntut ‘kemerdekaan Malaya yang seratus peratus’ ditolak oleh Kongres parti tersebut, kerana ia langsung tidak sejajar dengan objektif UMNO yang hanya ingin kembali kepada status-kuo politik mereka sebelum 1941. Perbezaan ini akhirnya menyebabkan PKMM berpisah dengan UMNO.⁶¹

Funston berpendapat bahawa perpecahan di antara PKMM dengan UMNO adalah kerana perbezaan ideologi yang mendalam yang telah berakar-umbi dalam latar belakang sosio ekonomi kepemimpinan masing-masing. Walaupun kedua-dua kumpulan ini mempunyai komitmen yang sama terhadap nasionalisme Melayu, tetapi sikap konservatif UMNO adalah bercanggah dengan ideologi Sosialisme dan anti-penjajahan yang kuat dalam PKMM. Selain itu, perbezaan juga wujud dari segi latar belakang kedua-dua pihak ini, pemimpin UMNO terdiri daripada kelas elit aristokratik/ birokratik manakala pemimpin PKMM terdiri daripada kelas yang jauh lebih rendah,⁶² yang mendorong konflik pendapat di kalangan mereka. Keputusan PKMM untuk keluar daripada UMNO membuktikan perpuakan memang telah wujud dalam UMNO sejak awal lagi. Bahagian Pemuda PKMM, Angkatan Pemuda Insaf (API) diharamkan oleh kerajaan jajahan British pada tahun 1947. Ini diikuti dengan pengharaman banyak persatuan di bawah Pusat Tenaga Rakyat (Putera)/ All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) dalam Darurat dalam 1948. Ramai pemimpin

⁶¹ Firdaus Abdullah, op.cit., m/s 86-87.

⁶² Funston, op.cit, m/s39-40.

Putera ditahan dalam tempoh sebelum pengharaman rasmi PKMM. PKMM akhirnya diharamkan pada tahun 1950.⁶³

Dato Onn Meninggalkan UMNO

Selepas PKMM diharam oleh kerajaan jajahan British, pucuk pimpinan UMNO dibawah pimpinan Dato Onn bin Jaafar bercadang untuk mengadakan dasar buka pintu supaya kaum bukan Melayu diterima sebagai ahli sekutu UMNO di samping membenarkan kaum bukan Melayu untuk mendapat hak kerakyatan. Beliau ingin menunjukkan bahawa UMNO sudah bersedia mengambil alih tanggungjawab pemerintahan Malaya daripada tangan British.

Cadangan baru berhubung keahlian UMNO itu telah disambut dengan kritikan yang hebat daripada elit dalam masyarakat Melayu, mereka menubuhkan Persatuan Melayu Semenanjong (Peninsula Malays Union, PMU) untuk membantah dasar ini di luar parti UMNO. Di antara elit yang menyokong penubuhan persatuan ini adalah Persatuan Melayu Johor dan orang besar Melayu seperti Raja dan Menteri Besar Perlis, Nik Mahmood bin Hj. Abdul Majid (elit tradisional di Kelantan) dan kemudiannya Tunku Abdul Rahman. Bantahan mereka pun mempengaruhi ahli UMNO untuk menolak cadangan tersebut. Akhirnya Presiden UMNO, Dato Onn bin Jaafar dan majoriti daripada ahli jawatankuasa Majlis Tertinggi itu pun meletakkan jawatan dalam Ogos 1951, dan menubuhkan Independence of Malaya Party (IMP) yang singkat hayat politiknya.⁶⁴ Pertukaran polisi UMNO juga menyebabkan

⁶³ Baca Funston, ibid, m/s 40.

⁶⁴ IMP bermula sebagai parti politik yang tidak mengamalkan perkauman, tetapi apabila ia tidak mendapat sokongan bukan-Melayu yang diperolehi pada mulanya, ia pun beransur-ansur balik kepada nasionalisme Melayu pada tahap awal penubuhan UMNO. Pada Februari 1954, Dato Onn

bahagian agama sekutu parti itu berpecah dengan UMNO dan menubuhkan Persatuan Islam Sa-Malaya ataupun PAS. UMNO kemudian masuk ke era kepemimpinan Tunku Abdul Rahman selepas pengakhiran tahap perpuakan yang kedua dalam parti itu.⁶⁵

2.2 Era Tunku Abdul Rahman

Setelah Tunku menerajui kepemimpinan UMNO pada tahun 1951, UMNO pun terus menjadi parti politik perkauman yang hanya memperjuangkan hak dan kuasa orang Melayu di Malaya. Dasar perkauman UMNO ini juga menetapkan nada perkauman dalam politik negara secara keseluruhannya.

Pada bulan Januari 1952, gerakan untuk menuntut kemerdekaan telah dimulakan oleh UMNO dengan persatuan kaum lain, seperti MCA dan MIC, dalam satu gabungan yang dinamakan Perikatan. Akhirnya, kerajaan campuran Perikatan berjaya mencapai kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957.

Tunku menggunakan cara kepemimpinan yang autoritarian sejak peringkat awal. Beliau menukar tempoh Perhimpunan Agung UMNO daripada enam bulan sekali kepada perhimpunan tahunan. Perhimpunan Agung ini merupakan satu formaliti sahaja kerana orang yang sama dipilih setiap tahun. Walau bagaimanapun, ia memberi kuasa yang mutlak kepada Majlis Tertinggi untuk menjalankan tugasnya. Perhimpunan Agung tidak diadakan dalam tempoh perundingan untuk mencapai

mengumumkan pelancaran satu lagi parti politik yang baru, Parti Negara (National Party), yang mengamalkan dasar perkauman pada tahap awal UMNO, kaum bukan-Melayu ditolak sebagai 'makhluk asing'. Parti Negara akhirnya gagal umtuk memperolehi sokongan orang ramai. Baca Funston, op.cit, m/s 42.

⁶⁵ Funston, ibid.

kemerdekaan daripada Disember 1955 sehingga Mac 1957.⁶⁶ Selepas pilihan raya umum pada 1955, ahli UMNO ditegah oleh pucuk pimpinan parti untuk mengkritik kerajaan Perikatan.⁶⁷

Pada masa itu, kuasa sebenar UMNO bukan berada pada Majlis Tertinggi tetapi dalam tangan Tunku, begitu juga dengan peranannya dalam kerajaan Perikatan. Dalam tahun 1959, gaya autokrasi Tunku telah sampai ke tahap tertinggi apabila beliau campur tangan dalam konflik UMNO-MCA di mana beliau memilih semua calon MCA dalam pilihan raya umum,⁶⁸ perkara yang sama juga berlaku dalam pemilihan calon untuk Perikatan pada tahun 1969.⁶⁹ Tunku dikatakan selalu mendominasi mesyuarat Majlis Tertinggi yang diadakan di kediamannya, dan dalam tahun 1967-68, beliau hanya mengadakan dua mesyuarat Majlis Tertinggi sahaja. Ini menunjukkan bahawa Tunku mengamalkan ‘demokrasi terpimpin’ (guided democracy) semasa beliau memimpin partinya.

Gaya kepemimpinan Tunku ini kadang-kala mendatangkan rasa tidak puas hati di kalangan ahli UMNO. Khabar angin mengenai Tunku akan ditumbangkan muncul di sepanjang tahun 1950an dan ia mendapat sokongan daripada akhbar Melayu.⁷⁰ Walau bagaimanapun, di sepanjang 1960an, hanya terdapat rungutan tentang ketidakseimbangan ekonomi tetapi tidak ada usaha yang ketara untuk menjatuhkan beliau. Pada tahap akhir tempoh 1960an, walaupun terdapat resolusi yang menasihati

⁶⁶ Funston, ibid, m/s 173.

⁶⁷ *Warta Negara*, 11 September 1958 (Federation of Malaya Daily Press Summary, dipanggil FMDPS seterusnya).

⁶⁸ Vasil, R.K., *Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, m/s 30-31.

⁶⁹ Baca *Alliance*, Vol. III, No. 8, Februari, 1969.

⁷⁰ Baca: *Majlis*, 27 Ogos 1954 (FMDPS) dan *Utusan Melayu*, 25 Januari 1960 (FMDPS); *Warta Negara*, 29 Mac 1958 (FMDPS); Funston, op.cit., m/s 174.

beliau bersara tetapi ia ditarik balik selepas itu. Kesemua bantahan ini hanya dijalankan dengan cara yang sulit sahaja.⁷¹

Perpuakan UMNO Pada Tahap Tinggi Dan Rendah

Perpuakan dalam UMNO bolehlah dikatakan berlaku pada peringkat tertinggi dan juga peringkat terendah dalam parti. Ratnam dan Milne dalam buku *The Malayan Parliamentary Election of 1964* menyatakan bahawa UMNO menghadapi dua jenis masalah dalaman, iaitu perebutan jawatan dan perbezaan pendapat terhadap polisi kerajaan. Masalah tersebut kelihatan lebih serius selepas UMNO menjadi parti yang dominan dalam kerajaan Perikatan.⁷²

Walaupun konflik pada tahap kebangsaan UMNO jarang berlaku secara terbuka dalam tempoh pertengahan 1950an sehingga awal 1960an, tetapi keadaan dalam parti pada tahap rendah adalah jauh dari tenang. Di sesetengah negeri, perlawanan yang melibatkan individu dan puak adalah sangat ketara. Keretakan dalam UMNO Kelantan malah mengakibatkan Perikatan ditewaskan oleh PMIP (ia dipanggil sebagai PAS sekarang) di Kelantan pada tahun 1959.

Perpuakan di peringkat negeri kadang-kala merupakan perebutan kuasa untuk mendapat pencalonan dalam pemilihan pada peringkat negeri ataupun peringkat

⁷¹ Baca *Opinion*, Vol. 1, No. 12, 1968, m/s 176; Funston, ibid., m/s 174 & 202.

⁷² "Masalah pertama adalah para anggota UMNO bergaduh untuk merebu jawatan, samada merebut penamaan sebagai calon dalam Pilihan raya ataupun jawatan dalam parti. Perebutan kuasa ini tidak dihadkan sahaja di kalangan individu, tetapi kadang-kadang menyebabkan kemunculan puak yang berlawan. Tetapi manifestasi luar seperti ini jarang berlaku pada tahap kebangsaan, lebih kerana jawatan utama yang dipegang oleh orang yang menikmati sokongan luas dalam parti dan orang jarang berminat untuk menggantikan mereka. Contoh yang terbaik adalah Tunku dan Tun Razak, mereka bukan sahaja memegang jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti UMNO, mereka juga adalah

kebangsaan. Perkara seperti ini selalu memaksa Majlis Tertinggi untuk memberhentikan operasi Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan melantik ahli Eksekutif Kebangsaan sebagai ketua pertubuhan baru itu. Pada pertengahan tahun 1963, lima bahagian diambil-alih oleh Majlis Tertinggi; pada hari sebelum pilihan raya umum 1969, Razak terpaksa mengambil alih kepemimpinan Jawankuasa Negeri UMNO di Trengganu, Perak dan Kelantan, Senu Abdul Rahman di Negeri Sembilan, dan Tunku pula di Pulau Pinang.

Pada akhir tahun 1950an dan 1960an, isu yang hangat diperbahaskan oleh pemimpin UMNO dan pemimpin parti komponen Perikatan dan juga parti pembangkang adalah isu berkenaan dengan bahasa, sekolah rendah Cina dan Tamil dan juga budaya. Tunjuk perasaan dan rusuhan malah berlaku pada akhir tahun 1950an mengenai isu bahasa dan pendidikan, tetapi konflik di antara komuniti bukan Melayu dan Melayu terhadap isu tersebut hanya mengancam hubungan kaum pada akhir tahun 1960an.⁷³

Dalam tempoh 1960an, berlakunya konflik di antara Malaya dengan Singapura. PAP ingin menggantikan kedudukan MCA dalam kerajaan Perikatan manakala UMNO dan PAP sentiasa berselisih faham. Konflik tersebut akhirnya menyebabkan Tunku membuat keputusan untuk memisahkan Singapura yang dipimpin oleh PAP daripada Malaya pada tahun 1965. Keputusan tersebut mendatangkan bantahan yang kuat daripada beberapa pemimpin ‘ultra’ (pelampau) dalam UMNO.

Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri masing-masing.” Rujuk: Ratnam, K. J. & Milne, R. S., *The Malayan Parliamentary Election of 1964*, University of Malaya Press, Singapore, 1967, m/s 34-35.
⁷³ Dalam tempoh sebelum Pilihan raya umum 1959, kaum bukan Melayu belum pasti samada Malaya adalah negara mereka. Selain itu, negara pada masa itu juga sedang melalui suatu peralihan yang penting yang mana kerajaan masih tidak pasti samada Malaya Malaya adalah kepunyaan kaum Melayu

Selepas itu, perhubungan di antara Orang Cina dan Melayu menjadi tegang disebabkan oleh Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang bersifat kontroversial.⁷⁴ Kumpulan di bawah Syed Nasir mahukan Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi tunggal bermula pada 1 September 1967, manakala kaum bukan Melayu cuba memperjuangkan jaminan kerajaan terhadap kebebasan menggunakan Bahasa Cina dan Tamil. Akhirnya, rang undang-undang Bahasa Kebangsaan yang dibentangkan di Parlimen pada Februari 1967 memberi jaminan untuk penggunaan bahasa lain dalam kerajaan. Tolak ansur kerajaan Perikatan ini membangkitkan kemarahan sebahagian komuniti Melayu di dalam dan di luar UMNO. Mereka menganggap tolak ansur ini sebagai suatu perbuatan khianat oleh Tunku. Keyakinan kaum Melayu terhadap Tunku dan kewibawaan Tunku di masyarakat Melayu pun terjejas dengan seriusnya. Keputusan ini juga mempengaruhi keputusan pilihan raya umum 1969 kemudiannya.⁷⁵

Selain daripada isu bahasa, kemunduran ekonomi kaum Melayu juga merupakan perkara yang selalu dibangkitkan oleh sekumpulan pemimpin dalam UMNO. Golongan ini bercadang untuk mengorganisasikan semula sistem ekonomi supaya kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif dalam pengumpulan modal bagi kaum Melayu dan memindah sumber-sumber tersebut kepada mereka kemudiannya. Desakan mereka kemudian diterima oleh kerajaan dan institusi pelaburan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Bumiputera dan lain-lain pun ditubuhkan.⁷⁶

kerana mereka adalah bumiputera. Rujuk: R. K. Vasil, *The Malaysian General Elections of 1969*, Singapore Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, m/s 1.

⁷⁴ Ibid, m/s 14-15

⁷⁵ Ibid.

⁷⁶ Edmund Terence Gomez, *Politics in Business: UMNO's Corporate Investments*, Kuala Lumpur: FORUM, 1990, m/s 5.

Hubungan Di Antara Razak Dan Tunku

Ramai orang menganggap Tunku dan timbalannya Razak mempunyai perhubungan politik dan kerja yang hampir sempurna, iaitu seperti hubungan ayah dengan anak yang mengikut perintah. Walau bagaimanapun, Tunku sendiri kemudiannya menolak mitos tersebut selepas beliau bersara daripada politik. Dalam artikelnya yang disiarkan dalam *The Star* pada 20 Februari 1978, Tunku menulis tentang perhubungan beliau dengan Razak. Beliau berkata bahawa Razak merasa sedikit kecil hati kerana menjadi timbalannya begitu lama. Walau bagaimanapun, hanya golongan yang rapat dengan Razak menghendaki Razak mengambil alih jawatan Tunku secara dramatik.⁸³

Dalam wawancara yang disiarkan dalam *Asiaweek* pada 10 Mei 1985, iaitu 16 tahun selepas pilihan raya umum 1969, Tunku menyalahi Razak dan rakannya atas kejatuhan mereka daripada jawatan Perdana Menteri. Menurut Tunku:

“Ia bermula apabila salah seorang daripada mereka (orang yang didakwa sebagai Komunis oleh Tunku) dibunu di lapangan terbang, mereka minta diadakan perarakan pengebumian untuk orang mati itu. Saya tentu tidak membenarkan ini berlaku tetapi malangnya saya tidak ada pada masa itu. Saya telah pergi berkempen. Tetapi rakan saya, yang cuba membawa masalah kepada saya, memberi kebenaran, dan dengan itu apabila komunis membawa mayat, mereka berhenti di setiap pelusuk untuk berucap dengan hangat dengan rakyat, mengutuk kerajaan, mengutuk saya ...”

“Saya tidak dapat meneruskan lagi. Untuk teruskan, saya mesti mempunyai kesetiaan daripada rakan saya. Saya tidak pasti. Sebenarnya saya amat kecewa dengan kelakuan oleh setengah daripada mereka.”⁸⁴

Walaupun Kerajaan Perikatan menang pilihan raya umum yang diadakan pada 10 Mei 1969, tetapi kesemua parti komponen Perikatan kalah dengan teruknya. Perikatan kehilangan sokongan dalam kawasan Melayu dan bukan Melayu.⁸⁵ Dua hari kemudian, Tunku mengumumkan beliau akan meletakkan jawatan Perdana Menteri sekiranya rakyat tidak lagi menaruh keyakinan terhadapnya. Beliau mempelawa Presiden MCA, Tan Siew Sin seorang sahaja menyertai kabinet barunya kerana parti itu hanya memenangi 13 kerusi.⁸⁶ Keputusan Tunku menyebabkan Tan Siew Sin mengumumkan MCA menarik diri daripada Perikatan dengan alasan masyarakat Cina amat marah kerana MCA adalah sebahagian daripada kerajaan Perikatan ketika Peristiwa 13 Mei berlaku.

⁸³ Tunku Abdul Rahman, *Contemporary Issues in Malaysian Politics*, Pelanduk, 1984, m/s 187.

⁸⁴ *Asiaweek*, 10 Mei 1985, m/s 7. Parti Buruh melancarkan kempen memboikot Pilihan raya umum 1969. Dua ahlinya ditembak mati oleh polis semasa melekat poster. Peristiwa ini membangkitkan kemarahan orang ramai. Penyokong parti pembangkang pun mengadakan suatu perarakan raksasa pada hari pengebumian pada 9 Mei 1969 di Kuala Lumpur, iaitu sehari sebelum hari pengundian. Isu ini merupakan salah satu sebab kemenangan parti pembangkang yang menyertai pilihan raya umum, iaitu DAP dan Gerakan.

⁸⁵ Perikatan mendapat 66 kerusi (UMNO 51 kerusi, MCA 13 kerusi dan MIC 2 kerusi) di antara 104 kerusi di Parlimen, hanya mampu mengekalkan dua per tiga majoriti di Parlimen, tetapi ia kehilangan 23 kerusi berbanding dengan pilihan raya umum sebelumnya. UMNO kalah dalam 16 kerusi yang ditandinginya. Selain itu, beberapa tokoh terkenal UMNO, seperti Senu Abdul Rahman, Mahathir Mohamad, Hamzah Abu Samah dan beberapa pemimpin MCA juga kalah pada pilihan raya 1969. Undi yang diperolehi oleh Perikatan hanyalah 49% sahaja manakala peratusan undi parti pembangkang ialah 51%.

Dari segi kerusi di peringkat Dewan Undangan Negeri pula, Perikatan kehilangan majoriti yang besar di Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan. Pembangkang memperolehi 20 daripada 24 kerusi di Pulau Pinang, 21 daripada 40 kerusi di Perak dan 14 daripada 28 kerusi di Selangor. Rujuk: R. K. Vasil, ibid, m/s 73 & 85.

Bagi pihak pembangkang, DAP dan Gerakan merayakan kejayaan cemerlang mereka dengan mengadakan perarakan di sekitar Kuala Lumpur. Pada masa yang sama, kemenangan parti pembangkang di banyak kawasan turut menaikkan kemarahan sesetengah pemimpin muda di dalam UMNO. Mereka merancang suatu tunjuk perasaan secara besar-besaran yang diketuai oleh Ketua Pemuda UMNO merangkap Menteri Besar Selangor Harun Idris pada 13 Mei. Tunjuk perasaan ini akhirnya membawa kepada rusuhan kaum dan pertumpahan darah.⁸⁷

Rusuhan kaum ini pun menjadi titik peralihan yang penting dalam politik UMNO dan politik negara. Menurut Michael Leifer, rusuhan tersebut menunjukkan bahawa Tunku bukan sahaja telah gagal memelihara kepentingan kaum Melayu, tetapi beliau juga telah kehilangan keyakinan daripada kaum bukan Melayu, yang menganggap diri mereka sebagai ‘pembayar bil’ dalam suatu episod yang mereka tidak bertanggungjawab.⁸⁸

⁸⁶ MCA memenangi 27 kerusi pada pilihan raya umum 1964.

⁸⁷ Menurut wartawan MGG Pillai, tujuan rusuhan kaum 13 Mei adalah demi (1) Memaksa Tunku untuk berundur diri daripada jawatan beliau sebagai PM; (2) Memberi amaran kepada kaum Cina mengenai ‘kedudukan sebenar’ mereka; (3) Memastikan keagungan kaum Melayu; (4) Menghendaki jentera kerajaan supaya memberi sokongan penuh terhadap tindak-tanduk kerajaan. Wawancara dengan MGG Pillai di Kuala Lumpur pada 6 Jun 2000.

Ada pihak yang mempercayai bahawa tunjuk perasaan ini bukan sekadar untuk menunjukkan kuasa kaum Melayu sahaja, tetapi ia dirancang dengan tujuan untuk mengadakan pertumpahan darah. Ini adalah kerana ramai pemuda Melayu yang datang daripada setiap pelusuk negara lalu berhimpun di kediaman Harun Idris pada petang 13 Mei membawa parang dan senjata yang lain. Dalam perhimpunan yang penuh dengan emosi yang tidak rasional itu, mereka mengutuk ‘perarakan kemenangan’ yang dianjurkan oleh parti pembangkang sebagai bukti keagungan Melayu dalam kerajaan telah dicabar oleh ‘pengkhianat’. Mereka berkata mereka ingin memberi suatu pengajaran kepada kaum Cina. Selepas itu, dalam suasana krisis yang penuh dengan mekanisme psikologi perhimpunan (crowd psychology), emosi benci, marah dan tidak rasional pun menggalakkan para pemuda Melayu memulakan keganasan yang kehilangan akal, seperti membakar kedai dan rumah orang Cina di kawasan Kampung Baru, bertelagah dan membunuh penduduk Cina di sekitar kawasan Kuala Lumpur. Rusuhan kaum ini mengakibatkan beberapa ratus orang mati. Angka kematian rasmi rusuhan kaum tersebut adalah lebih kurang 178, tetapi angka tidak rasmi ialah berlipat kali ganda daripada angka ini. Wawancara dengan MGG Pillai pada 6 Jun 2000, Rujuk kepada Gordon G. Means, *Malaysian Politics: The Second Generations*, Singapore: Oxford University Press, 1991, m/s 7-8.

Kegagalan kerajaan Perikatan dalam pilihan raya umum itu menyebabkan perbalahan di dalam UMNO menjadi pertentangan yang terbuka. Pada masa itu, kepemimpinan Tunku dikritik kuat oleh intelektual Melayu, pelajar Melayu di universiti dan juga beberapa tokoh UMNO termasuk Mahathir Mohamad, Musa Hitam, Syed Jaafar Albar dan Harun Idris. Mereka menyalahi Tunku tidak kuat berusaha untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pendidikan kaum Melayu, selain daripada mengamalkan gaya kepemimpinan yang bercorak feudalistik, yang mementingkan kesetiaan terhadapnya tetapi bukan kebolehan seseorang.

Pada 17 Jun 1969, Mahathir menulis sepucuk surat kepada Tunku yang mengritik gaya kepemimpinannya yang didakwa terlalu lembut terhadap kaum Cina dan mendesak beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Salinan surat Mahathir diedarkan dengan luasnya di seluruh negara sehingga MAGERAN terpaksa menegah peredaran surat tersebut, tetapi ia telah banyak merosakkan nama baik Tunku. Akhirnya, Mahathir dipecat daripada UMNO pada 12 Julai 1969, manakala Musa Hitam pula dipecat daripada jawatan beliau sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Mengikut Abdullah Ahmad, golongan muda yang rapat dengan Razak telah lama menghendaki Tunku meletakkan jawatan. Mereka hanya menggunakan rusuhan kaum 13 Mei untuk memaksa Tunku bersara daripada politik. Sekiranya Tunku enggan tunduk kepada desakan mereka selepas rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Razak pasti akan mencabar Tunku dalam Perhimpunan Agung kemudian. Tunku kemudian

⁸⁸ Michael Leifer, *Dilemmas of Statehood in Southeast Asia*, Asia Pacific, Singapore, 1972, m/s 85.

tunduk kepada desakan mereka dan meminta tempoh setahun bagi beliau untuk meletakkan jawatan secara rasmi ekoran daripada desakan mereka.⁸⁹

Kerajaan mengumumkan darurat selepas Peristiwan 13 Mei yang bertumpah darah. Kuasa pentadbiran darurat dialih kepada MAGERAN (Majlis Gerak Negara atau National Operation Council, NOC) yang para-militari yang diketuai oleh Razak. Ini merupakan rampasan kuasa kecil (mini-coup) dalam UMNO dan kabinet daripada Tunku kerana MAGERAN memegang kuasa pentadbiran yang mutlak dalam tempoh darurat tersebut manakala Tunku hanya muncul dalam istiadat upacara sahaja.⁹⁰

Tunku kemudian bersara secara rasmi pada September 1970. Jawatannya diambil alih oleh Razak. Razak memilih seorang ahli Majlis Tertinggi, Dr. Ismail untuk menjadi timbalannya.⁹¹ Persaraan Tunku menandakan titik peralihan kuasa daripada golongan elit yang memperjuangkan kemerdekaan kepada elit baru yang lebih berminat dalam agenda baru dari segi polisi awam dan gaya kepemimpinan yang baru.⁹²

2.3 Perpuakan UMNO Dalam Era Razak

Selepas Razak yang mewakili ‘generasi kedua’ memegang teraju kepemimpinan kerajaan dan UMNO, beliau pun menggantikan Golongan Veteran yang setia kepada Tunku dengan orang baru dalam kerajaan. Rombakan kabinet Razak menyaksikan penumpuan kuasa negara pada UMNO, kesemua jawatan yang penting dipegang oleh

⁸⁹ Wawancara dengan Tan Sri Abdullah Ahmad pada 12 September 2001 di Kuala Lumpur.

⁹⁰ MAGERAN terdiri daripada tujuh orang Melayu, seorang Cina dan seorang India, manakala Kabinet dibentuk daripada sepuluh orang Melayu dan empat orang. Baca Means, m/s 8-9.

⁹¹ Sebab utama Razak memilih Dr. Ismail untuk menjadi timbalannya adalah kerana Dr. Ismail berasal dari Negeri Johor, iaitu kubu UMNO, dan juga kerana keupayaannya di parti.

⁹² Gordon P. Means, op.cit., m/s 19.

pemimpin UMNO, kecuali jawatan Menteri Kewangan yang disandang oleh Presiden MCA.

Pada pemilihan UMNO tahun 1971, Razak dan Dr. Ismail masing-masing dipilih dan ‘disahkan’ oleh perwakilan UMNO untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Beberapa pemimpin yang mempelopori dasar perkauman Melayu yang militan juga dipilih untuk memegang jawatan penting dalam Majlis Tertinggi.⁹³ Demi membayangkan perkembangan fenomena dalam UMNO, Razak melantik beberapa pemimpin UMNO yang terkenal atas kritikan lantang mereka terhadap kerajaan dan perjuangan kepentingan Melayu ke kabinet. Ini termasuk Mahathir Mohamad dan Musa Hitam yang dipecat oleh Tunku,⁹⁴ dan juga Hussein Onn, anak kepada pengasas UMNO Onn Ja’afar dan bekas Ketua Pemuda UMNO yang meninggalkan UMNO pada tahun 1951. Kerajaan baru ini kemudian melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat Malaysia dan khususnya meningkatkan taraf ekonomi kaum Melayu.⁹⁵

Perlantikan Razak sebagai Presiden UMNO dan juga rombakan kabinet yang merangkumi orang ‘orde baru’ mengecewakan sesetengah golongan ‘orde lama’ ataupun golongan tua dalam UMNO, terutamanya golongan tua yang setia kepada Tunku. Golongan yang kurang puas hati ini seperti Syed Jaafar Albar dan Harun Idris

⁹³ Syed Nasir bin Ismail dipilih menjadi salah seorang daripada tiga Naib presiden UMNO, dan Syed Ja’afar Albar dipilih ke dalam Majlis Tertinggi. Kedua-dua orang ini dikenali sebagai ‘ultras’ dalam pergraduan di antara UMNO dengan Lee Kuan Yew sebelum Singapura dipisah dari Malaysia. Baca: Marvin L. Rogers, ‘Malaysia and Singapore: 1971 Developments’, *Asian Survey*, 12, 2 (February 1972), m/s 168-171. Gordon P. Means, op.cit., m/s 21.

⁹⁴ Mahathir Mohamad balik ke pangkuhan UMNO pada tahun 1972 dan dilantik sebagai Menteri Pendidikan pada tahun 1974. Musa Hitam dilantik semula sebagai Timbalan Menteri pada tahun 1973 dan memegang jawatan Menteri Perusahaan Utama pada tahun 1974.

⁹⁵ Matlamat DEB yang tertulis ialah menyusun semula masyarakat Malaysia dan menghapuskan kemiskinan. Dasar ini lebih dituju kepada peningkatan taraf pendidikan dan ekonomi Bumiputera dari segi perlaksanaannya.

pun membentuk suatu puak yang membantah kepemimpinan Razak secara senyap. Mereka berasa kecewa apabila orang yang pernah kuat membantah Tunku seperti Mahathir dan Musa dilantik ke kabinet.

Apabila Timbalan Perdana Menteri Dr. Ismail meninggal dunia secara tiba-tiba kerana sakit jantung pada Ogos 1973, Razak melantik abang ipar kepada isterinya, Hussein Onn, sebagai Timbalan Perdana Menteri.⁹⁶ Razak kemudiannya mengukuhkan kedudukan orang yang dipilihnya dalam parti melalui Perhimpunan Agung UMNO 1975, di mana beliau telah meluahkan harapan supaya Ghafar Baba, Razaleigh dan Mahathir dipilih sebagai Naib Presiden dalam ucapan perasmian Perhimpunan Agung tersebut. Akhirnya calon Razak berjaya dipilih walaupun mereka menghadapi cabaran yang kuat daripada Harun Idris dan Syed Jaafar Albar daripada Golongan Tua.⁹⁷

2.4 Perpuakan Dalam Era Hussein Onn

Selepas Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976 di London, Hussein Onn pun memangku jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO sehingga beliau dipilih oleh perwakilan UMNO pada tahun 1977. Pada mulanya beliau menghendaki Menteri Dalam Negeri, Ghazali Shafie untuk menjadi timbalannya kerana Ghazali mempunyai pengalaman yang lama dalam kerajaan dan juga Ghazali adalah rapat dengannya dalam pentadbiran Hussein Onn. Ghazali dianggap sebagai ‘Raja di belakang takhta’ dalam kerajaan dan digelar sebagai ‘de facto Timbalan Perdana Menteri’. Pada saat

⁹⁶ Sebab Razak memilih Hussein Onn sebagai timbalannya mungkin kerana Hussein merupakan seorang peguam yang berpendidikan Inggeris, dan juga anak kepada pengasas UMNO dari Johor. Ini memenuhi hasrat Razak untuk mempromosikan orang muda di dalam UMNO dan kerajaan. Selain itu, Hussein juga mendapat sokongan daripada Naib Presiden UMNO pada masa itu, iaitu Sardon Zubir dan Ghafar Baba untuk menjadi timbalan kepada Razak.

getir inilah, ketiga-tiga Naib Presiden UMNO, Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah dan Ghafar Baba bersama-sama berjuma dengan Hussein Onn tetapi Hussein enggan berjuma dengan mereka. Dengan itu, Ghafar Baba pun menelefon kepada Hussein dan menyuarakan pandangan mereka kepada beliau bahawa Hussein mesti memilih salah seorang daripada tiga Naib Presiden ini untuk menjadi timbalannya. Ghafar malah mengugut Hussein bahawa sekiranya Ghazali dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, ketiga-tiga Naib Presiden ini akan boikot Hussein dan enggan berkhidmat di kabinetnya. Ketegasan mereka menyebabkan Hussein Onn tidak mempunyai banyak pilihan. Beliau kemudian tunduk kepada desakan mereka dan melantik Mahathir sebagai timbalannya. Mengikut Abdullah Ahmad, di antara ketiga-tiga Naib Presiden ini, sebab Hussein Onn tidak memilih Ghafar Baba kerana Ghafar bukan seorang lulusan universiti dan juga masalah akhlaknya.⁹⁸ Razaleigh tidak dipilih kerana beliau bukan seorang menteri dalam kabinet, beliau hanya memegang jawatan Pengerusi Petronas (syarikat petroleum kepunyaan kerajaan) dan Pernas (syarikat Permodalan Nasional) pada masa itu.⁹⁹ Di samping itu, beliau hanya dilantik sebagai Naib Presiden pada tahun 1974 selepas Dr. Ismail meninggal dunia. Pengalamannya yang tidak begitu banyak menyebabkan beliau tidak dipilih oleh Hussein Onn. Mengikut Abdullah Ahmad, kalau Razaleigh adalah seorang anggota kabinet pada masa itu, Hussein tentu akan memilih beliau dan bukannya Mahathir sebagai timbalannya kerana Hussein memang tidak begitu

⁹⁷ Harold Crouch dan lain-lain, *Malaysian Politics And The 1978 Elections*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, m/s 15-16.

⁹⁸ Walau bagaimanapun, Ghafar memberi penjelasan yang berlainan dua puluh tahun kemudian dalam wawancaranya dengan Chamil Wariya. Beliau berkata selain daripada sebab beliau bukan seorang siswazah universiti, sebab lain adalah kerana beliau tidak dapat bekerjasama dengan Hussein Onn semasa Hussein menjadi Timbalan Perdana Menteri manakala beliau sebagai menteri biasa, mungkin disebabkan Ghafar Baba pernah melawan ayah Hussein, Onn Jaafar. Baca Chamil Wariya, *Pandangan Politik Era Mahathir*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1990, m/s 8-10.

⁹⁹ Mengikut Abdullah Ahmad, Razak pernah mengajak Razaleigh untuk memegang jawatan Menteri Perusahaan Awam dalam kabinetnya tetapi ini ditolak oleh Razaleigh kerana Razaleigh hanya

sehaluan dengan Mahathir. Hussein memilih Mahathir kerana beliau terpaksa tunduk kepada realiti politik, di mana Mahathir merupakan calon yang paling sesuai di antara tiga Naib Presiden pada masa itu. Ghafar Baba yang tidak dipilih oleh Hussein kemudian meletakkan jawatan sebagai Menteri Pertanian daripada kabinet. Ketidak-tegasan Hussein Onn untuk membuat keputusan yang penting ini menyebabkan perlantikan Timbalan Perdana Menteri tersebut lewat selama tiga bulan.¹⁰⁰

Hussein Onn menghadapi banyak masalah di dalam parti dalam tempoh kepemimpinannya kerana UMNO berpuak dan dia hanya masuk balik ke UMNO pada tahun 1969 setelah meninggalkan UMNO bersama dengan ayahnya pada tahun 1951. Beliau terpaksa bertarung kuasa dengan Ketua Pemuda UMNO, Harun Idris di samping menghadapi tuduhan mengenai ancaman Komunis di dalam kerajaan dan sebagainya dalam tempoh beliau memimpin kerajaan dan UMNO.

Saga Harun Idris

Harun Idris terkenal atas kritikan lantangnya. Beliau merupakan pengkritik terhadap Tunku dan Razak, tetapi kritikan beliau terhadap Hussein Onn adalah paling hebat sekali. Beliau adalah Ketua Pemuda UMNO yang berpengaruh kuat dengan pemuda kerana beliau memperjuangkan hak keistimewaan Melayu dengan lantang. Apabila salahlaku korupsi Harun disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah, beliau ditawarkan jawatan duta ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu oleh Razak sebagai saluran bagi beliau untuk berundur daripada politik, tetapi tawaran tersebut ditolak oleh beliau.

menghendaki jawatan Menteri Kewangan sahaja dan beliau menganggap beliau adalah paling sesuai untuk jawatan tersebut.

¹⁰⁰ Wawancara dengan Tan Sri Abdullah Ahmad pada 13 September 2001, wawancara dengan MGG Pillai pada 6 Jun 2000 dan bekas pembantu Tengku Razaleigh yang tidak mahu identitinya didekahkan.

Mengikut Abdullah Ahmad, sebab Harun menolak tawaran Razak adalah kerana Razak enggan ‘menutup fail’ Harun, iaitu membebaskan beliau daripada semua dakwaan rasuah. Kedegilannya melawan Razak menyebabkan kerajaan pimpinan Razak-Hussein mendakwanya ke Mahkamah atas enam belas tuduhan rasuah dan pecah amanah pada 24 November 1975. Walaupun begitu, beliau tetap memenangi jawatan Ketua Pemuda UMNO dan menjadi salah seorang Naib Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO 1975.¹⁰¹

Hussein Onn merupakan orang yang kuat mendesak Harun didakwa ke Mahkamah malah dalam tempoh pimpinan Razak.¹⁰² Selepas Hussein Onn menjadi Pemangku Perdana Menteri pada 14 Januari 1976, beliau pun memecat Harun Idris daripada parti selepas Harun dikenakan hukuman penjara selama dua tahun oleh Mahkamah dan dalam proses memohon rayuan. Harun kemudian dituduh terlibat dalam rasuah lagi dalam tahun yang sama dan dikenakan tambahan hukuman penjara selama enam bulan.¹⁰³

¹⁰¹ Walaupun Harun tidak menang pada pemilihan UMNO untuk menjadi Naib Presiden UMNO, tetapi beliau memegang jawatan Naib Presiden secara ex officio kerana beliau adalah Ketua Pemuda UMNO. Sila rujuk *New Straits Times*, 22 Jun 1975, m/s 1; R.S. Milne, ‘Malaysia and Singapore, 1975’, *Asian Survey*, 16, 2 (Februari 1976), m/s 186-192; Gordon P. Means, op.cit., m/s 56-57.

¹⁰² Mengikut MGG Pillai, Hussein Onn merupakan orang yang paling tidak suka pada Harun kerana penglibatannya dalam rusuhan kaum 13 Mei. Terdapat khabar angin yang menyatakan Hussein mengugut akan meletakkan jawatan sekiranya Harun tidak didakwa di Mahkamah. Mengikut Abdullah Ahmad, sebab Hussein benci kepada Harun adalah kerana Harun menentang Razak. Juga rujuk: Harold Crouch, ‘The UMNO Crisis: 1975-1977’ dalam buku *Malaysian Politics and The 1978 Election*, yang disunting oleh Harold Crouch, Lee Kam Hing dan Michael Ong, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, m/s 16-20.

¹⁰³ Pada 14 Mac 1976, Harun mengumpulkan ahli-ahli Pemuda UMNO untuk mengadakan perhimpunan besar di Kuala Lumpur, tetapi permohonan permit polis ditolak sehingga mereka terpaksa mengadakannya di dalam dewan kecil, di mana kedua-dua Harun dan Syed Jaafar Albar mengkritik kerajaan. Pada 18 Mac, Majlis Tertinggi UMNO menasihati Harun supaya meletakkan kesemua jawatannya di dalam parti dan kerajaan. Beliau kemudian dipecat kerana enggan berbuat demikian. Kemudian suatu usul tidak percaya juga diluluskan di Dewan Undangan Selangor terhadap Harun. UMNO Selangor yang pernah meluluskan suatu usul yang enggan mengiktirafkan pemecatan Harun juga menutup pendirian mereka selepas mereka berjumpa dengan Hussein Onn dan menteri yang rapat dengan Tun Razak, termasuk Abdullah Ahmad, Abdullah Majid dan setiausaha eksekutif UMNO, Khalil Akashah.

Selepas Harun dihukum penjara dua tahun pada Mei 1976 kerana terlibat dalam rasuah sebanyak RM250,000 berkenaan permohonan tanah oleh Hong Kong and Shanghai Corporation, beliau didakwa

Kes Harun sebenarnya mendapat sokongan yang kuat daripada Golongan Orde Lama dalam UMNO,¹⁰⁴ boleh dikatakan bahawa golongan ini menggunakan Pemuda UMNO pimpinan Harun untuk mengenakan tekanan terhadap Majlis Tertinggi. Ini terbukti selepas Harun dipecat oleh UMNO, Syed Jaafar Albar yang berumur 62 dipilih sebagai Ketua Pemuda dalam Perhimpunan Agung Pemuda UMNO dalam Julai 1976. Mengikut Syed Jaafar, sebab beliau memegang jawatan Ketua Pemuda adalah untuk menyambungkan hubungan baik di antara pemimpin atas dan Pemuda yang tidak puas hati terhadap pemecatan Harun Idris. Beliau ingin memainkan peranan yang penting untuk membimbing Harun balik ke pangkuhan UMNO.

Sokongan terhadap Harun semakin menurun selepas Syed Jaafar Albar meninggal dunia pada 14 Januari 1977. Jawatan Ketua Pemuda kemudian diambilalih oleh Naib Ketua Pemuda UMNO, iaitu anak saudaranya Harun, Suhaimi Datuk Kamaruddin. Walau bagaimanapun, Suhaimi yang kurang karisma dan umurnya yang muda tidak begitu berani membantah kepemimpinan UMNO seperti Harun. Pada masa yang sama, Mahkamah Tinggi menjatuhkan satu lagi hukuman terhadap Harun dalam kes Bank Kerjasama Rakyat. Ini pun lebih menjelaskan kredibiliti beliau di kalangan ahli UMNO dan rakyat jelata.

lagi dalam kes menipu dan pecah amanah di Bank Kerjasama Rakyat yang mana beliau adalah pengerusnya semasa mempromosi pertandingan tinju di antara Muhammad Ali dan Joe Bugner di Kuala Lumpur pada 1975. Perbicaraan kedua ini diadakan pada peringkat akhir tahun tersebut dan menyebabkan Harun dihukum penjara yang ditambah sebanyak enam bulan lagi. Rujukan: *ibid*, m/s 16-20.

¹⁰⁴ Golongan Tua dalam UMNO ini termasuk bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian Mohamed Khir Johari, bekas Setiausaha Agung UMNO dan Menteri Penerangan Datuk Senu Abdul Rahman dan Syed Jaafar. Rujuk: *Asiaweek*, 14 Januari, 1997, m/s 11. Rujuk: *Asiaweek*, 28 Januari 1977, m/s 10.

Sehubungan itu, pergerakan Harun menghadapi sekatan apabila kerajaan Malaysia mengesyaki kerajaan Singapura cuba campur tangan dalam politik dalaman Malaysia dengan memberi sokongan kepada pergerakannya. Ini meningkatkan lagi rasa curiga kerajaan terhadap Harun.¹⁰⁵ Apabila rayuan Harun kepada Majlis Privy atas tuduhan rasuah ditolak pada Februari 1978, kerajaan Hussein Onn langsung tidak menghiraukan desakan penyokong Harun agar beliau diampunkan.

Harun yang berada dalam penjara berjaya dipilih sebagai anggota Majlis Tertinggi pada Perhimpunan Agung UMNO 1978, tetapi ramai penyokongnya yang pernah mendapat manfaat daripada kuasa naungannya apabila beliau memegang jawatan Menteri Besar Selangor telah meninggalkan Harun kerana beliau tidak lagi berkuasa untuk memberi naungan kepada mereka. Ini paling nyata dibayangkan dalam usul undi tidak percaya yang dibuat oleh ADUN UMNO dalam Dewan Undangan Negeri Selangor pada tahun 1976.

Pengaruh ‘Komunis’ Dalam Kabinet

Pada tahun 1960an, Razak mengupah beberapa orang penasihat dan pembantu yang percaya perlu adanya perubahan drastik di Malaysia. Golongan muda yang digelar sebagai ‘golongan orde baru’ ini merupakan anggota dalam Kumpulan Afro-Asian

¹⁰⁵ Pada akhir bulan Februari 1977, seorang tahanan politik Singapura, Leong Mun Kwai mendakwa bahawa beliau pernah dihubungi oleh seorang ahli politik Malaysia dan dua orang pegawai Cawangan Khas Pasukan Polis untuk menyertai ‘Black Operation’ yang bertujuan untuk mencemarkan namabait Perdana Menteri Singapura. Selepas itu, sebuah pita rakaman yang dibuat oleh seorang penyunting *Far Eastern Economic Review* jatuh ke tangan seorang peguam Malaysia, Dominic Puthucheary, seorang bekas tokoh pembangkang sayap kiri yang berhadapan dengan Lee Kuan Yew. Pita tersebut mendedahkan maklumat mengenai komen yang dibuat oleh Lee Kuan Yew terhadap tokoh politik Malaysia, beliau berkata beliau lebih suka Harun dijadikan bakal Perdana Menteri Malaysia. Gerak-geri kerajaan Singapura tersebut secara tidak langsung merosakkan kredibiliti pergerakan kumpulan yang tidak puas hati terhadap kerajaan yang diketuai oleh Harun Idris. Rujuk: Harold Crouch, ibid, m/s 28-29.

dalam 1960an. Mereka merupakan orang muda yang ingin dipromosikan oleh Razak tetapi mereka tidak mempunyai sokongan akar-umbi di dalam parti, iaitu: Abdullah Ahmad, Khalil Akasah, Abdullah Majid, Wahab Majid dan Samad Ismail.¹⁰⁶

Apabila Razak meninggal dunia pada Januari 1976, golongan yang mempunyai fikiran yang berorientasi ‘Sosialis’ ini berada dalam keadaan yang lemah. Dalam satu perhimpunan Pemuda UMNO yang dipanggil oleh Harun Idris pada Mac 1976,¹⁰⁷ Syed Jaafar Albar menamakan Samad Ismail, Abdullah Majid, Wahab Majid dan James Puthucheary sebagai ‘Komunis’. Selepas itu, beberapa hari selepas Harun dipecat daripada parti, Tunku juga mengulangi amaran bahawa ‘Komunis’ telah meresap ke dalam kerajaan dan malah mengaitkan mereka dengan pengaruh Soviet.¹⁰⁸

Ghazali Shafie yang memegang jawatan Menteri Dalam Negeri pernah dibidas kuat oleh perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO 1975 kerana gagal menegah aktiviti Komunis di samping gagal dipilih sebagai Naib Presiden. Beliau pun bergabung dengan golongan yang tidak puas hati tersebut dalam parti. Beberapa bulan sebelum Perhimpunan Agung UMNO 1976, beliau mengarah penahanan Samad Ismail dan beberapa orang wartawan kerana didakwa terlibat dalam ‘suatu rancangan

¹⁰⁶ Abdulah Ahmad menjadi setiausaha politik Razak sejak 1963 dan pernah dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas berjaya dipilih sebagai Ahli Parlimen pada 1974. Khalil Akasah dilantik sebagai setiausaha Eksekutif UMNO dan BN. Abdullah Majid dan adiknya Wahab Majid menyertai kerajaan dalam 1970an. Abdullah berkhidmat sebagai setiausaha akbar kepada Perdana Menteri, selepas beliau dipilih menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1974, beliau pun dilantik menjadi Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, manakala Wahab menggantikan tempatnya sebagai setiausaha akbar. Samad Ismail adalah seorang penulis dan wartawan yang terkenal, beliau juga adalah bekas ketua pengarang *New Straits Times*. Samad dan Abdullah Majid pernah dituduh sebagai orang yang bersimpati terhadap Komunis oleh kerajaan British di Singapura pada awal 1950an. Mereka kemudian pindah ke Malaya berikutan pemecahan di antara penyokong sayap kiri dengan penyokong Lee Kuan Yew dalam PAP. Samad kemudian menjadi rapat dengan Tun Razak apabila konflik di antara Perikatan dan PAP menjadi serius. Rujuk kepada Harold Crouch, *ibid.*

¹⁰⁷ Perhimpunan itu dipanggil oleh Harun sebagai cara untuk menunjukkan kuasa kepada kerajaan atas tuduhan rasuah terhadapnya. Perhimpunan itu dinafikan permit polis dan mereka terpaksa mengadakannya dalam satu dewan yang tertutup.

Komunis yang diarah oleh Samad Ismail'.¹⁰⁹ Pada akhir separuh tahun 1976, ramai tokoh muda yang dilantik sebagai menteri oleh Razak, seperti Mahathir, Razaleigh dan Musa Hitam mula menjadi mangsa kempen khabar angin tersebut. Pada 1 September 1976, Samad membuat pengakuan terbuka di televisyen atas penglibatannya dalam aktiviti Komunis dan pengaruhnya terhadap pemimpin UMNO yang muda sehingga 'sesetengah daripada mereka bergantung kepadanya'. Pengakuan terbuka Samad menyebabkan penyokong Tunku dan Harun mendesak supaya pemimpin muda dan pemimpin tertinggi dalam UMNO yang dipengaruhi oleh fikiran Komunis dikenalpasti, tetapi tiada tindakan diambil kerana kekurangan bukti.

Pada awal November, Hussein Onn mengumumkan bahawa terdapat ahli UMNO yang dipengaruhi oleh aktiviti dan ideologi Komunis. Pada 3 November 1977, Abdullah Ahmad yang telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, dan Abdullah Majid yang memegang jawatan Timbalan Menteri Buruh dan Tenagakerja menjadi ISA bersama-sama dengan seorang pemimpin MCA, dua orang pemimpin DAP dan pengurus PRM.¹¹⁰ Terdapat laporan yang menyatakan bahawa penahanan tersebut dibantah oleh Mahathir Mohammad, Razaleigh, Ghafar Baba, Musa Hitam dan Ketua Menteri Sarawak, Abdul Rahman Yakub, iaitu orang yang pernah bekerja rapat dengan Abdullah Ahmad. Selepas itu, Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid membuat pengakuan di televisyen bahawa mereka mempunyai

¹⁰⁸ *Utusan Malaysia*, 22 Mac 1976; *Far Eastern Economic Review*, 2 April 1976, m/s 9.

¹⁰⁹ Seorang wartawan daripada *Berita Harian*, Samani Mohammed Amin ditahan selepas dua wartawan Melayu ditahan oleh kerajaan Singapura. Pada Jun 1976, dua wartawan Melayu di Singapura, termasuk penyunting *Berita Harian Singapura*, Hussein Jahidin ditahan dan didakwa terlibat dalam suatu rancangan Komunis yang dirancang dan diarah oleh Samad Ismail sejak 1972. Hussein pernah aktif dalam aktiviti sayap kiri yang membangkang Lee Kuan Yew dalam awal 1960an dan pernah dimasukkan ke dalam penjara. Rujuk: Harold Crouch, *ibid*, m/s 23-27.

¹¹⁰ Selain dua menteri UMNO tersebut, terdapat enam tokoh politik ditahan di bawah ISA, mereka adalah Tan Ken Sin (ketua setiausaha eksekutif MCA), Chiang Heng Kai (Ahli Parlimen DAP Batu Gajah), Chan Kok Kit (Penolong Bendahari DAP) dan Kassim Ahmad (Pengerusi PSRM). Rujuk *Asiaweek*, 21 Januari, 1977, m/s 11.

hubungan dengan pegawai di kedutaan asing di Kuala Lumpur pada bulan Februari 1977. Kedua-dua mereka kemudian dipecat oleh Majlis Tertinggi UMNO.

Menurut Abdullah Ahmad, penahanan ISA tersebut adalah plot yang dirancang oleh Ghazali Shafie untuk membalas dendam terhadap tindakan beliau yang pernah menghalang Ghazali dan tokoh Orde Lama yang lain untuk mendampingi dan mempengaruhi Razak dalam tempoh beliau berada di sisi Razak. Abdullah berkata bahawa pengakuan Samad Ismail di televisyen adalah dipaksa kerana pihak berkenaan mengugutnya bahawa kerajaan akan meluput kerakyatannya dan menghantar beliau balik ke Singapura. Pengakuan Samad kemudian digunakan sebagai alasan oleh Ghazali untuk menangkap beliau dan mereka yang lain di bawah ISA atas dakwaan mereka dipengaruhi oleh Komunis. Beliau dan Abdullah Majid membuat pengakuan di televisyen kerana mereka diberitahu bahawa mereka akan dibebaskan selepas mereka membuat pengakuan. Tetapi pengakuan mereka sebaliknya digunakan oleh Ghazali untuk melanjutkan penahanan mereka. Dalam tempoh penahanannya, rakannya seperti Musa Hitam pernah cuba memujuk Hussein untuk membebaskan mereka tetapi kesemua usaha ini dihalang oleh Ghazali Shafie yang mempunyai pengaruh kuat ke atas Hussein Onn.¹¹¹

Perkembangan tersebut jelas menunjukkan pergelutan kuasa di antara Golongan Orde Lama dengan Golongan Orde Baru yang muda. Konspirasi politik tersebut juga dibuktikan oleh Samad Ismail dan Pengerusi PRM, Syed Husin Ali kemudian. Syed Husin Ali mendedahkan dalam bukunya *Two Faces: Detention Without Trial* bahawa beliau dan Samad diminta menamakan Mahathir dan Musa Hitam sebagai orang yang

¹¹¹ Wawancara dengan Tan Sri Abdullah Ahmad pada 13 September 2001 di Kuala Lumpur.

terlibat dalam aktiviti Komunis semasa mereka ditahan di bawah ISA, tetapi permintaan ini ditolak oleh kedua-dua mereka.¹¹² Sekiranya mereka tunduk kepada permintaan pihak polis pada masa itu, Mahathir yang dilihat sebagai saingan kepada Ghazali mungkin akan turut ditahan di bawah ISA dan sejarah politik negara mungkin akan berubah wajah.

Hussein Onn Dicabar

Golongan Orde Lama menganggap penggantinya Hussein Onn sebagai orang yang mudah dimanipulasi kerana asas sokongan politiknya yang lemah dalam UMNO. Mereka juga kecewa kerana Mahathir yang pernah dipecat daripada parti dilantik memegang jawatan nombor dua di kerajaan. Tunku selalu menggunakan kolumnya di akhbar Inggeris, *The Star* untuk mengkritik dasar kerajaan.¹¹³ Harun Idris dan Tun Mustapha, Ketua Menteri Sabah pula berpakaat untuk memecahkan halangan yang dikenakan oleh Razak terhadap mereka dalam era Hussein Onn.

Demi menunjukkan kuasa dan bantahan terhadap Hussein Onn, puak Orde Lama pun mencalonkan seorang pemimpin peringkat menengah, iaitu Ketua Penerangan UMNO dan bekas Speaker DUN Pulau Pinang, Sulaiman Palestine untuk mencabar jawatan Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO September 1978. Walaupun kerajaan BN berjaya merampas teraju kepemimpinan dalam pilihan raya Negeri Kelantan pada Mac 1978 yang telah meningkatkan kewibawaan Hussein Onn pada masa itu, tetapi

¹¹² Wawancara dengan Tan Sri Samad Ismail, 9 Jun 2000, Petaling Jaya. Baca Syed Husin Ali, *Two Faces: Detention Without Trial*, Kuala Lumpur: INSAN, 1996, m/s 109-110.

¹¹³ Tun Razak pernah cuba menghentikan komen kritikal beliau dengan membeli syarikat akhbar itu dengan tujuan mengawal akhbar tersebut, tetapi Tunku mendapat bantuan daripada rakan politik beliau, Tun Mustapha dari Sabah, untuk membeli saham yang cukup dalam akhbar itu demi memastikan akhbar itu tetap menyiar kan kritikan yang sederhana dan terbuka terhadap kerajaan.

pencabarnya Sulaiman Palestine masih mampu memenangi lebih kurang 28% undi dalam pertandingan tersebut, iaitu Hussein Onn mendapat 898 undi manakala Sulaiman Palestine mendapat 250 undi. Undi yang diperolehi oleh Sulaiman mencerminkan peratusan yang tidak puas hati terhadap Hussein di dalam parti. Keputusan pemilihan ini pun menyebabkan Hussein Onn merasa malu dan ia pun menjadi faktor yang mendorong beliau meletakkan jawatan kemudian.

Selain mengesahkan jawatan yang dipegang oleh Hussein Onn dan Mahathir di dalam parti dan kerajaan selepas Razak meninggal dunia, Perhimpunan Agung UMNO 1978 turut menyaksikan Tengku Razaleigh, Ghafar Baba dan Musa Hitam juga dipilih sebagai Naib Presiden tanpa persaingan yang sengit.¹¹⁴

Dua tahun kemudian, Hussein Onn menjalani pembedahan jantung pada akhir tahun 1980 di mana Mahathir memangku jawatannya. Hussein Onn mengumumkan persaraannya pada Februari 1981 di Perhimpunan Agung UMNO atas alasan kesihatan. Pemindahan kuasa kepada Mahathir berlangsung secara rasmi pada 16 Julai 1981. Pada 12 Julai 1981, empat hari sebelum Mahathir menggantikan Hussein Onn sebagai Perdana Menteri, Gazali Shafie mengarahkan penahanan ISA ke atas setiausaha politik Mahathir, Siddique Ghousie. Siddique dituduh sebagai agen KGB Russia kerana beliau mempunyai suatu radio yang bersambung dengan satu alat ‘transmitemer’ di rumahnya. Selain itu, beliau dilihat bersama dengan Setiausaha Ketiga Kedutaan Russia di sebuah pub. Penahanan ini merupakan percubaan terakhir Ghazali untuk mencemar nama baik Mahathir sebelum beliau menggantikan Hussein Onn.¹¹⁵

¹¹⁴ *Asiaweek*, 29 September 1979, m/s 13-14.

2.5 Penganalisaan Terhadap Perpuakan UMNO Sebelum Mahathir

Politik UMNO dalam era Tunku sehingga Hussein Onn kelihatan berkisar pada perbezaan dari segi dasar. Dalam era 1960an, selain daripada gaya kepemimpinan Tunku, faktor yang mencetuskan konflik dalam UMNO ialah perbezaan pandangan terhadap dasar yang penting, seperti pemisahan Singapura daripada Malaysia, dasar ekonomi, dasar bahasa dan dasar budaya. Mengikut Crouch, Tunku dan rakan rapatnya lebih cenderung untuk melihat masyarakat Malaysia membangun mengikut momentumnya sendiri, manakala puak yang militan, ‘ultra’ dan juga golongan muda dan cendekiawan yang mengelilingi Razak menganggap campur tangan kerajaan yang besar diperlukan untuk mewujudkan suatu keadaan sosial dan ekonomi yang menyumbang kepada kestabilan politik. Perselisihan di antara Puak Tua dan Puak Muda ini menjadi lebih sengit selepas berlakunya rusuhan kaum 13 Mei 1969. Perselisihan di antara dua puak ini diperhebatkan selepas tokoh-tokoh muda yang kritikal seperti Mahathir dan Musa dilantik oleh Razak dan Hussein Onn untuk memegang jawatan penting kabinet pada tahun 1970an.

Beberapa pembaharuan kemudian dilakukan oleh pemimpin muda di bawah kepemimpinan Razak, termasuk meningkatkan taraf ekonomi kaum Melayu, menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah. Razak juga menekankan ‘nasionalisme ekonomi’ di mana kerajaan mengenakan syarat yang lebih ketat terhadap pelabur asing, megalakkan usaha bersama di antara pelabur asing dengan syarikat yang dikawal oleh kerajaan, mengambil alih pengawalan beberapa syarikat asing yang besar, menubuhkan syarikat minyak negara,

¹¹⁵ Fan Yew Teng, *The UMNO Drama: Power Struggles in Malaysia*, Kuala Lumpur: Egret publications, 1989.

Petronas dan sebagainya.¹¹⁶ Walau bagaimanapun, langkah-langkah kerajaan untuk mengstrukturkan semula ekonomi negara melalui DEB telah membuka jalan kepada pengamalan naungan di dalam UMNO.

Semasa Razak mengambil langkah untuk melantik pengikutnya memegang jawatan penting dalam kerajaan, puak penentang yang mencabarnya tidak begitu prihatin terhadap perubahan sosial yang dirancang oleh mereka, tetapi kebanyakannya mereka lebih mementingkan isu pengagihan naungan. Walaupun ramai aktivis parti bersimpati dengan Harun, tetapi mereka ingin mengekalkan jawatan mereka dalam parti dan kerajaan demi mendapat manfaat dan naungan. Sikap tersebut juga menyumbang kepada perubahan dari segi barisan perpuakan UMNO dan seterusnya menentukan kemenangan Hussein Onn dalam pergelutan kuasa dengan pencabarnya.¹¹⁷

Penubuhan institusi-institusi pelaburan yang bertujuan untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu dan juga cara kerajaan untuk mengagihkan manfaat ekonomi dan kontrak kerajaan kepada syarikat-syarikat Bumiputera menjadikan UMNO sebagai mesin pemberi naungan. Pemegang jawatan tinggi dalam UMNO dan kerajaan juga menggunakan kuasa mereka untuk mengagihkan naungan ekonomi kerajaan kepada penyokong mereka. Ini merupakan cara mereka untuk mendapat sokongan akar-umbi di samping mempertahankan kedudukan mereka. Boleh dikatakan sistem naungan UMNO yang muncul hasil daripada DEB telah menyumbang kepada corak perpuakan yang baru dan pertandingan kuasa terhadap jawatan tinggi dalam UMNO pada tahun-tahun kemudian.

¹¹⁶ Crouch, *ibid*, m/s 31-32.

¹¹⁷ Crouch, *ibid*, m/s 34-35.

Mengikut Crouch, pada tahun 1970an, walaupun Puak Golongan Muda ini tidak mengabaikan aspek naungan dalam politik, tetapi tujuan mereka untuk mengembangkan skop pentadbiran teknokratik adalah bercanggah dengan kepentingan golongan yang tidak teknokratik yang pernah memainkan peranan penting dalam era Tunku. Selain itu, ia juga mempengaruhi pemimpin negeri yang lebih bergantung kepada pengawalan pengagihan naungan daripada perlaksanaan program pembangunan jangka panjang dan perubahan sosial. Contoh yang paling baik ialah Harun Idris yang membantah kepemimpinan Razak dan Hussein Onn. Cara Tun Mustapha dan beliau menggunakan syarikat kepunyaan kerajaan untuk mengagihkan naungan kepada penyokong mereka dan menggunakan isu perkauman dan Islam untuk meraih sokongan kaum Melayu dilihat sebagai satu ancaman oleh ahli dalam kumpulan Razak. Akhirnya kedua-dua mereka dipecat daripada jawatan masing-masing berikutan dengan siasatan terhadap mereka dalam 1970an.

Sikap Feudalistik Dalam UMNO

Hussein Onn dikenali sebagai pemimpin politik aristokratik yang lemah dari segi sokongan politik dalam parti dan juga dari segi pandangan politik. Mengikut Samad Ismail, salah satu sebab Razak memilih Hussein Onn untuk menjadi timbalannya adalah kerana fikiran feudalistik Razak yang mementingkan latar-belakang keluarga Hussein Onn.¹¹⁸ Razak jarang memberi tugas yang penting kepada Hussein Onn

¹¹⁸ Keluarga Hussein Onn adalah kelas bangsawan di Negeri Johor. Onn Jaafar, bapa Hussein adalah pengasas UMNO yang disanjung tinggi dalam masyarakat Melayu. Razak juga berasal daripada keluarga Orang kaya, keluarganya merupakan Bendahara kepada keluarga Diraja. Bapa Hussein Onn, Onn Jaafar berkahwin dengan keluarga Raja-raja Johor. Latar-belakang Hussein Onn tersebut merupakan faktor penting yang menyebabkan beliau dipilih oleh Razak. Selain itu, Dr. Ismail juga berasal dari kelas elit dan keluarga pendatang di Johor. Mahathir dan Musa merupakan pemimpin

kerana kesihatan Hussein yang lemah. Oleh itu, apabila Hussein Onn mengambil-alih jawatan Perdana Menteri daripada Razak, Ghazali Shafie selalu kelihatan ‘membimbang’ Hussein Onn dalam urusan kerajaan.¹¹⁹

Kelemahan Hussein Onn dari segi gaya kepemimpinan dan sokongan dalam parti menambahkan lagi perpuakan di dalam UMNO sehingga puak ‘Orang Tua’, termasuk Harun Idris dan Ghazali Shafie dapat memanipulasi keadaan politik pada masa itu.

Crouch berpendapat bahawa selain daripada faktor tidak bersatupadu, sebab utama ‘Golongan Muda’ mampu menandingi puak penentang ini adalah kerana budaya ‘feudal’ yang berterusan di dalam politik UMNO. Bagi orang Melayu, mencabar pemimpin utama UMNO yang juga pemimpin negara adalah suatu kelakuan yang biadab, dan Harun Idris juga dipengaruhi oleh pandangan tersebut.¹²⁰

Dalam era UMNO sebelum Mahathir ini, kita menyaksikan bahawa pemimpin utama UMNO sebenarnya tidak mempraktikkan prinsip demokrasi dalam urusan mereka samada di dalam parti ataupun di luar parti. Ini boleh dibuktikan dengan gaya kepemimpinan Tunku dalam UMNO dan Perikatan, cara pemimpin UMNO merampas kebebasan akhbar *Utusan Malayu* dan menjadikannya sebagai alat propaganda politik UMNO dalam tahun 1961, di samping menggunakan undang-

UMNO yang membantah dan memecahkan tradisi feudalisme ini. Walau bagaimanapun, selain daripada faktor sikap feudalisme ini, latar belakang Hussein yang berasal dari Johor, kubu kuat UMNO juga merupakan faktor yang menyumbang kepada pemilihannya.

¹¹⁹ Wawancara dengan Tan Sri Samad Ismail pada 9 Jun 2000 di Petaling Jaya.

¹²⁰ Editorial *New Straits Times* selepas pemecatan Harun daripada parti menyifatkan Harun sebagai ‘peasant in outlook with traditional values that regard any form of open defiance of the leadership as impolite.....’ ‘to the Malay mind, to challenge him (the Prime Minister) would almost amount to an act of heresy. He is not only the pemimpin (leader) of the party; he is the head of the nation, a father-figure now to whom loyalty, respect and esteem is the traditional duty of the rakyat (people) whatever his social status, to accord.’ Rujuk kepada *New Straits Times*, 28 Mac 1976; Harold Crouch, ibid, m/s 34-35.

undang drakonian seperti ISA terhadap orang yang melawan mereka dalam parti. Tunku menggunakan ISA terhadap Aziz Ishak, Hussein menggunakan undang-undang terhadap Harun Idris yang melakukan rasuah dan memecatnya daripada parti, Ghazali Shafie menggunakan ISA terhadap orang yang rapat dengan Mahathir. Dengan kata lain, gaya kepemimpinan yang bercorak autoritarian telah bermula sejak Presiden UMNO yang pertama, dan cara kepemimpinan ini diteruskan oleh pengantinya kemudian, tetapi hanya berubah dari segi darjat authoritarianisme sahaja.

Harus diperhatikan bahawa Hussein Onn dan Ghazali Shafie tidak mempunyai sokongan akar-umbi yang kuat seperti Harun Idris, itulah sebabnya mereka perlu menggunakan jentera kerajaan seperti undang-undang untuk memastikan mereka terus kekal di dalam parti dan kerajaan. Cara ini juga menyebabkan Hussein Onn berjaya menewaskan Harun yang mempunyai sokongan yang kuat dalam parti.

Pergolakan politik dalam UMNO menghasilkan impak yang kuat terhadap ekonomi dan politik kebangsaan. Cara pemimpin UMNO untuk menggunakan dasar kerajaan seperti DEB sebagai saluran untuk mengagihkan naungan, cara pemimpin UMNO menggunakan jentera kerajaan untuk menumpaskan penentang mereka di dalam UMNO dengan menggunakan ISA merupakan contoh yang paling baik. Cara kepemimpinan tersebut sebenarnya telah mengurangkan ruang demokrasi dan melemahkan institusi demokrasi negara. Walaupun Mahathir pernah kuat membantah gaya kepemimpinan autoritarian Tunku di dalam parti dan politik negara, tetapi kesemua ini juga dilakukan oleh beliau selepas beliau menerajui kepemimpinan parti dan negara demi mempertahankan kedudukannya.